

06 JUL 1998
LEADALL Ismail-Meninggal
TUN ISMAIL MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Tun Ismail Mohd Ali, nama yang tidak dapat dipisahkan daripada Bank Negara, meninggal dunia kerana komplikasi selepas di Hospital Pakar Ampang Puteri di sini, hari ini.

Anak lelaki sulungnya, Iskandar, berkata Tun Ismail, 79, telah dimasukkan ke hospital berkenaan sejak satu setengah minggu lepas.

"Beliau meninggal dunia sejurus sebelum pukul 11 pagi. Beliau dimasukkan (ke hospital itu) kerana selepas tetapi malangnya daya ketahanan dirinya rendah. Beliau mengalami aneurisme pecah," katanya apabila dihubungi.

Jenazah alahyarham dibawa pulang ke kediamannya di No 23, Jalan Taman U Thant, di sini. Jenazah alahyarham selamat dikebumikan di tanah Perkuburan Islam Ampang selepas solat Asar, pada lebih kurang pukul 5.30 petang.

Tun Ismail ialah abang ipar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkahwin dengan adiknya, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melakukan kunjungan ziarah di kediaman alahyarham.

Menteri-menteri Kabinet, sanak saudara, tokoh-tokoh korporat juga berada di kediaman alahyarham untuk menyampaikan penghormatan terakhir.

Antaranya ialah Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah.

Turut berada di tanah perkuburan itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad.

Tun Ismail meninggalkan dua anak lelaki, Iskandar, seorang ahli perbankan dan Ahmad Kamal, seorang arkitek.

Isteri Tun Ismail, Toh Puan Maimunah Abdul Latiff meninggal dunia dua tahun lepas.

Beliau yang dianggap sebagai tokoh perbankan Malaysia paling terkemuka, menjadi gabenor Bank Negara dari tahun 1962 hingga 1980, mencatat rekod sebagai gabenor bank pusat yang paling lama berkhidmat di Asia.

Sebagai menghargai perkhidmatan cemerlangnya, beliau telah dianugerahkan gelaran "Tun" pada tahun 1980 apabila menerima pingat Seri Setia Mahkota, anugerah awam tertinggi negara.

Sebelum meninggal dunia, beliau masih berkhidmat sebagai penasihat kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB), badan pelaburan ekuiti kerajaan.

Tun Ismail adalah seorang personaliti yang luar biasa yang sangat dihormati sebagai seorang pegawai kerajaan dan juga tokoh korporat semasa beliau menjadi pengerusi Sime Darby antara lain.

Peguam berkelulusan Cambridge itu dilahirkan pada 9 Sept, 1918, di Pelabuhan Klang. Beliau mendapat pendidikan awal di Batu Road Boys' School dan Victoria Institution.

Beliau dilantik sebagai menteri di Kedutaan Malaya (Tanah Melayu) di Amerika Syarikat pada tahun 1957 dan setahun kemudian beliau dilantik sebagai pengarah eksekutif di Bank Dunia dan gabungannya.

Tun Ismail pulang ke tanahair untuk menjadi timbalan gabenor Bank Negara pada tahun 1960 sebelum dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan tertinggi bank pusat itu

Kebolehannya sebagai ahli perbankan mendapat penghargaan di dalam dan di luar negara. Beliau pernah berkhidmat sebagai presiden Institut

Pengurusan Malaysia, pengerusi Majlis Institut Ahli Bank Malaysia, yang memberi anugerah tertingginya, iaitu keanggotaan seumur hidup, pada tahun 1986.

Sebelum meninggal, beliau merupakan anggota lembaga gabenor Institut Pengurusan Asia (AIM) yang berpangkalan di Manila, jawatan yang dipegangnya sejak tahun 1971.

-- BERNAMA

ES WAT PR